

18/06/1998

Sektor perbankan perlu `berlembut`

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), meminta institusi perbankan tempatan supaya lebih `berlembut` daripada mengenakan syarat pembiayaan yang terlalu ketat.

Naib Presiden DPMM, Dr Abdul Murad Ahmad, berkata sektor perbankan perlu memikirkan semula syarat pinjamannya demi menjaga kepentingan ekonomi negara.

"Fungsi utama sektor perbankan itu sendiri ialah menyalurkan sumber kewangan termasuk pinjaman kepada pelanggan dan bukannya membebankan pelanggan," katanya.

Beliau yang menyambut baik saranan Perdana Menteri terhadap sektor perbankan tempatan agar menghentikan operasi jika tidak yakin dengan kemampuan ekonomi negara, berkata ia adalah langkah bijak.

Ketika dihubungi Berita Harian di Kuala Lumpur, semalam Dr Murad berkata, mereka (institusi perbankan) perlu melihat kesan jangka panjang terhadap kedudukan sektor berkenaan jika terus mengamalkan sikap terlalu tegas dalam menyediakan pinjaman.

Ini kerana katanya, sekiranya berterusan sektor perbankan dijangka akan turut terjejas berikutan tiada urusan niaga dijalankan kerana orang ramai tidak lagi yakin dengan sektor berkenaan.

"Jika ini berterusan akibat terlalu bimbang dengan kesan yang bakal diterima, ia lebih baik ditutup daripada terus berfungsi tetapi tidak memainkan fungsi sewajarnya."

"Ini kerana kedudukan instrumen kewangan itu sendiri dilihat tidak lagi berupaya membantu mereka yang memerlukan, malah membebankan dengan pengenaan bon cagaran sehingga 100 peratus," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir terhadap sektor perbankan untuk menghentikan kegiatan mereka jika tidak lagi yakin dengan ekonomi negara.

Kelmarin, Perdana Menteri berkata, tindakan bank yang mengetatkan syarat mereka sehingga membebankan orang ramai bukan saja menjejaskan sektor tertentu, malah ekonomi negara keseluruhannya.

Dr Murad berkata, pengenaan syarat cagaran yang tinggi bukan menjadi jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi, malah ia juga dilihat akan menjejaskan sektor berkenaan.

(END)